




MENARIK: Rumah jurutera di puncak Bukit Malawati yang diubah suai menjadi Muzium Permainan Tradisional di Kuala Selangor.



BELUM DILUPAKAN: Maklumat mengenai permainan tarik daun upeh turut dipamerkan.



UNIK: Pengunjung dapat melihat lagak patung manusia bermain gasing dalam Muzium Permainan Tradisional Rakyat.

CHE RANI CHE DIN | BERITA HARIAN

Selangor.

Tarikkan baru di Bukit Malawati

Rumah jurutera diubah suai dijadikan Muzium Permainan Tradisional sebagai tambahan tempat bersejarah di Kuala Selangor

KUALA SELANGOR: Bukit Malawati yang tersergam indah menghadap Selat Melaka dan Kuala Selangor di sini, terkenal dengan peninggalan penjajah serta kesan sejarah.

Malah, sehingga kini bunyi ledakan meriam lama yang memegari bukit itu terus menjadi perbualan penduduk setempat selain andaian silam mengatakan ada lorong misteri bawah tanah yang menyimpan khazanah berharga.

Selain tempat bersemayam Sultan Selangor, ada beberapa lagi tempat menarik di situ, antaranya perigi beracun dan kediaman pegawai daerah Kuala Selangor yang kini bertukar wajah menjadi Muzium Sejarah Kuala Selangor.

Kerja menaik taraf dan ubah suai kediaman pegawai daerah Kuala Selangor menjadi Muzium Sejarah Kuala Selangor yang membabitkan kos RM800,000 itu mula dibuka kepada orang ramai pada 18 September tahun lalu.

Bagi mengekalkan Bukit Malawati sebagai tempat bersejarah yang dikunjungi ribuan pengunjung setiap minggu, Lembaga Muzium Selangor menukarkan pula rumah jurutera di lereng bukit itu menjadi Muzium Permainan Tradisional.

Dengan kos RM300,000, rumah jurutera itu diubah suai dan dibaiki untuk dijadikan sebuah muzium yang menempatkan maklumat dan contoh 50 jenis permainan tradisional pelbagai kaum di negara ini yang diwarisi turun temurun.

Kurator Lembaga Muzium Selangor, Mohd Lofti Nazar, berkata maklumat mengenai 200 jenis permainan disediakan di muzium tetapi hanya 50 jenis dipamerkan.

Selain itu, katanya, pengunjung hanya perlu menyentuh paparan skrin pada kios info bagi mendapatkan maklumat mengenai asal usul permainan, cara dimainkan dan tempat serta waktu sesuai permainan.

"Dengan cara ini lawatan ke muzium ini akan lebih seronok kerana pengunjung boleh berinteraktif berbanding kunjungan ke muzium lain yang hanya mempamerkan gambar pada dinding berserta maklumat," katanya.

Antara permainan tradisional yang dipamerkan ialah sepak ayam, sepak raga jaring, tutup botol, guli, dam haji, sodok apit, permainan cina, konda kondi, congkak, galah panjang, sorok-sorok, letup-letup, bilah lidi, tom tom bak, sepatu tempurung dan baling selipar.

Beberapa patung manusia yang sedang memainkan permainan tradisional ini juga dipamerkan dalam muzium itu bagi memberikan gambaran lebih jelas bagaimana permainan yang semakin dilupakan itu dimainkan.

Mohd Lofti berkata, Muzium Permainan Tradisional yang pertama di negara ini dibuka kepada orang ramai sejak 3 Jun lalu selepas prapelancongan disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin.

Beliau berkata, pihaknya merancang memperuntukkan RM500,000 lagi untuk membina kemudahan bagi pengunjung di kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) sejajar saranan kerajaan yang mahu kepentingan dan kebajikan golongan itu turut diutamakan.

"Peruntukan ini juga bagi menyediakan peralatan untuk membolehkan pengunjung mencuba sendiri permainan tradisional. Dengan cara ini, pengunjung akan rasa seronok dan akan kembali ke muzium ini," katanya.

Beliau berkata, bagi menjadikan lawatan ke Muzium Permainan Tradisional itu lebih menyeronokkan, pihaknya bercadang melengkapkan kios info dengan soalan berkisar kepada permainan tradisional dan pengunjung yang menjawab dengan tepat akan diberikan hadiah.

Mohd Lofti berkata, pemilihan rumah jurutera sebagai muzium amat tepat ker-

ana usianya lebih 100 tahun dan dibina pada zaman penjajahan Sultan Ibrahim, sama usia dengan Rumah Pegawai Daerah Kuala Selangor yang dijadikan Muzium Sejarah Kuala Selangor.

"Selain melihat dan mendapat maklumat mengenai jenis permainan tradisional, pengunjung boleh melihat lebih dekat rumah jurutera yang mempunyai nilai sejarah.

"Pada zaman dulu, rumah dan ibu pejabat bagi pegawai tertinggi dibina di kawasan berbukit bagi memudahkan mereka menyelamatkan diri jika diserang pihak musuh. Bagaimanapun, selepas merdeka dan perubahan zaman, rumah ini tidak lagi didiami," katanya.

Beliau berkata, Bukit Malawati kini menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara kerana dilengkapkan banyak tempat menarik serta bersejarah seperti Muzium Sejarah Kuala Selangor, rumah api yang dibina pada zaman pemerintahan British dan kini masih digunakan serta Makam Sultan yang mempunyai sebuah meriam bernama Petoï Boga (puteri putih) yang dibalut kain kuning.

Pengunjung juga dapat melihat pelbagai spesies monyet berkeliaran di kawasan berdekatan replika meriam lama selain membeli kraftangan dan menikmati cendol Kuala Selangor yang dijual di gerai kecil berhadapan rumah api.

Bukit yang menjadi kawasan rekreasi itu juga menempatkan tapak kubu pertahanan, menara tinjau, kereta api mini mengelilingi Bukit Malawati, batu pancung dan terbaru Muzium Permainan Tradisional yang melengkapkan Bukit Malawati sebagai tempat bersejarah yang perlu dilawati.

Mohd Lofti berkata, Lembaga Muzium Selangor akan terus bekerjasama dengan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) untuk mempromosikan Bukit Malawati kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

FAKTA

Bahan sejarah di Bukit Malawati

- Meriam bernama Petoï Boga (puteri putih) yang dibalut kain kuning selepas ditemui di pinggir Sungai Buloh pada 23 September 1966.
- Rumah Api Kota Malawati dibina pada 1907 oleh penjajah British dan mempunyai tiga bahagian iaitu bawah, tengah dan atas.
- Tanaman pokok Jati dan Sena selang tiga meter untuk mengelakkannya runtuh.
- Tanah lapang dan rata di bukit itu sebagai tempat perhimpunan tentera British.



WARISAN: Pelbagai jenis permainan rakyat dipamerkan termasuk permainan congkak.